

22 NOV 1999

DPMM-Manifesto

MANIFESTO BN SUNTIK KEYAKINAN BARU PADA GOLONGAN PENIAGA

KUALA TERENGGANU, 22 Nov (Bernama) -- Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Negeri Terengganu menganggap manifesto Barisan Nasional (BN) yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN malam tadi, sebagai satu suntikan keyakinan pada golongan peniaga di negara ini.

Yang Dipertuanya Wan Mohd Albakri Wan Mohd Noor berkata, teras manifesto yang bertema "bebas, sepadu dan maju" itu amat bertepatan dengan suasana kini iaitu ketika negara kian pulih daripada kegawatan yang tercetus pada tahun 1997 dan bakal melangkah ke alaf baru.

"Kebebasan merupakan aspek penting bagi masyarakat peniaga untuk terus mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi, memanfaatkan segala peluang peniagaan sedia ada dan mencipta kekayaan baru," katanya di sini, hari ini.

Wan Mohd Albakri berkata, kewujudan teknologi maklumat dan proses globalisasi memungkinkan lagi kebebasan itu dinikmati bersama, terutamanya dalam persekitaran dan perkembangan k-ekonomi.

Menurut beliau komitmen dan jaminan kerajaan terhadap pengekalan kebebasan ini memberi ruang yang lebih luas kepada masyarakat peniaga dan pengusaha Melayu untuk terus membuat perancangan perniagaan masing-masing, sama ada untuk tempoh jangka pendek, jangka sederhana mahupun jangka panjang.

Wan Albakri berkata, kesepaduan di antara masyarakat berbilang kaum di negara ini juga membolehkan jaringan dan rangkaian perniagaan masyarakat Melayu diperluaskan lagi untuk turut merangkumi masyarakat bukan Melayu menerusi usahasama dan perkongsian pintar dalam perniagaan dan perindustrian.

Beliau berkata faktor itu telah mengupayakan masyarakat peniaga Melayu berkongsi dan menimba pengetahuan, pengalaman serta kepakaran dengan masyarakat perniagaan Bukan Melayu untuk faedah dan keuntungan bersama.

Menurut beliau kemajuan ekonomi yang telah dicapai sepanjang 42 tahun kemerdekaan telah menyaksikan peningkatan penglibatan orang Melayu dalam semua bidang perniagaan dan perusahaan di semua peringkat.

Beliau berkata rekod pertumbuhan ekonomi tertinggi -- purata 7 peratus setahun berturut-turut selama lapan tahun sebelum kemelut ekonomi melanda -- telah dicatat oleh negara untuk membina landasan kukuh bagi masyarakat Bumiputera terus memajukan diri dalam bidang perniagaan.

Wan Albakri berkata di atas hakikat itulah, DPMM Terengganu berharap agar kebebasan, kesepaduan dan kemajuan itu dapat diteruskan untuk dipertahankan selama-lamanya.

-- BERNAMA

IB PR